

31/08/2001

Kerajaan yakin langkah fiskal sedia ada memadai

Mustapa Mohamed

KERAJAAN tidak bercadang melaksanakan langkah fiskal tambahan bagi menggerakkan ekonomi kerana yakin langkah yang sudah dilaksanakan mencukupi untuk memastikan ekonomi negara mencatat kadar pertumbuhan yang positif tahun ini.

"Tidak perlu sebarang langkah tambahan," kata Pengarah Eksekutif baru Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed ketika ditemubual agensi berita Dow Jones.

Kerajaan Mac lalu mengumumkan dana tambahan sebanyak RM3 bilion sebagai tambahan kepada peruntukan yang diumumkan dalam Belanjawan 2001.

Bagaimanapun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, setakat ini hanya kira-kira RM200 juta yang sudah dibelanjakan.

Mustapa berkata, sepertiga daripada peruntukan Belanjawan 2001 akan dibelanjakan menjelang hujung tahun ini dan kerajaan yakin mencatat pertumbuhan ekonomi yang positif dalam tempoh suku tahunan ketiga.

"Angka itu adalah munasabah dan kami tidak berganjak daripada kedudukan kami. Ekonomi akan meningkat semula dalam tempoh suku keempat," katanya.

Kerajaan yang sebelum ini mengunjurkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara lima sehingga enam peratus bagi seluruh tahun ini, baru-baru ini menyatakan bahawa unjuran itu akan dikaji semula berikutan perkembangan ekonomi dunia.

Mustapa berkata, kerajaan sedang mengkaji cara bagi mempercepatkan pelaksanaan projek termasuk pembinaan sekolah baru, kolej komuniti, universiti dan kemudahan perumahan untuk tentera.

(END)